

PROGRAM

"No Apologies"

Oleh: Pn Wan Sariah Wan Yahya



Isu keruntuhan sosial yang melibatkan golongan remaja semakin hari semakin serius. Kes-kes seperti seks luar nikah, pembuangan bayi, sumbang mahram dan sebagainya semakin berleluasa. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi membendung gejala-gejala negatif ini dari terus merosakkan anak bangsa. Dalam era globalisasi yang sangat mencabar dan semakin kritikal ini memerlukan remaja mempunyai jati diri yang ampuh agar mereka dapat membenteng diri dari terjebak dengan gejala-gejala negatif.

Program remaja "No Apologies" adalah salah satu usaha memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang keperluan untuk bertanggungjawab kepada diri sendiri agar tidak terjebak dengan gejala sosial yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Program ini telah berlangsung pada 19 Oktober 2011 bertempat di Dewan Serbaguna Kg Wai. Penceramah yang dijemput khas dari LPPKN Negeri Kedah, Encik Hassan Sani Bin Birinsani telah membincangkan isu-isu gejala sosial yang berlaku di kalangan remaja hari ini dan apakah peranan mahasiswa yang merupakan harapan negara dalam usaha membendung gejala tersebut.

Hasil daripada maklumbalas peserta program ini, ramai yang mengatakan bahawa program ini sangat berguna dan perlu dianjurkan lagi supaya dapat memberi kesedaran kepada golongan mahasiswa khususnya mengenai betapa pentingnya peranan mereka dan tanggungjawab yang harus mereka pikul memandangkan mahasiswa hari ini merupakan golongan remaja yang bakal menjadi pewaris negara pada masa akan datang.